

## Mesej Dua

### Menamatkan Perlumbaan

Bacaan Bible: 2 Tim. 4:7b; Kis. 20:24; 1 Kor. 9:24-26; Ibr. 12:1-2a

#### I. “Aku telah menamatkan perlumbaan”—2 Tim. 4:7b:

- A. Paulus mula berlari dalam perlumbaan syurgawi setelah dia diperoleh Tuan, dan dia berlari tanpa henti (1 Kor. 9:24-26; Flp. 3:12-14) agar dia dapat menamatkannya (Kis. 20:24).
- B. Sekarang, akhirnya dia mengisytiharkan dengan menang gemilang, “Aku telah menamatkan perlumbaan” (2 Tim. 4:7b); untuk ini dia akan menerima ganjaran, iaitu mahkota keadilan, daripada Tuan (ay. 8).

#### II. Kehidupan orang Kristian yang wajar merangkumi berlari dalam perlumbaan untuk melaksanakan ekonomi Tuhan menurut tujuan abadi-Nya—1 Kor. 9:24; Ef. 1:11; 3:11:

- A. Kita perlu mencari perjalanan yang ditetapkan Tuan untuk kita dan menempuh jalan itu dengan setia, membayar apa jua harga untuk meneruskan perjalanan kita dengan segenap hati sehingga kita sampai pengakhiran—2 Tim. 4:7b.
- B. Perjalanan yang ditetapkan Tuan untuk kita ialah perlumbaan yang kita semua lari—Ibr. 12:1.
- C. Kita perlu “berlari dengan kesabartahanan dalam perlumbaan yang ditetapkan di hadapan kita”—ay. 1:
  1. Seperti dutus Paulus, semua orang Kristian harus berlari dalam perlumbaan untuk memenangi hadiah; hadiah ini bukanlah penyelamatan yang umum tetapi ganjaran yang istimewa—10:35; 1 Kor. 3:14-15; 9:26-27; Flp. 3:13-14.
  2. Kita perlu berlari dalam perlumbaan dengan kesabartahanan, menderitai penentangan dengan kesabartahanan—Ibr. 12:2-3.
- D. Kita berlari dalam perlumbaan Kristian dengan “memalingkan tumpuan kepada Yesus, iaitu Pengasas dan Penyempurna iktikad kita”—ay. 2a:
  1. Yesus ialah Pengasas iktikad, Pemula, Pendahulu, sumber, dan punca iktikad—ay. 2:
    - a. Iktikad percayawan sebenarnya bukan iktikad mereka sendiri tetapi Kristus masuk ke dalam mereka menjadi iktikad mereka—Roma 3:22; Gal. 2:16.
    - b. Kepercayaan kita merupakan penghargaan kita terhadap Kristus, sebagai reaksi kita kepada tarikan-Nya—Roma 10:17.
    - c. Kita perlu memalingkan tumpuan kepada Yesus dengan perhatian yang tidak terbahagi dengan berpaling daripada segala objek yang lain—Ibr. 12:1-2a; Kid. 1:4; Mzm. 27:4.
    - d. Semasa kita memalingkan tumpuan kepada Yesus, Dia sebagai Roh berihayat (1 Kor. 15:45b) mentransfusi kita dengan diri-Nya, dengan elemen kepercayaan-Nya.
  2. Iktikad ialah keupayaan mensubstansiasi, keupayaan untuk kita mensubstansiasi, memberi substans kepada hal-hal yang tidak kelihatan atau hal-hal yang diharapkan—Ibr. 11:1:
    - a. Kita harus melatih roh iktikad kita, roh pembauran kita, untuk percaya dan membicarakan hal-hal yang telah kita alami terhadap Tuan—2 Kor. 4:13.
    - b. Iktikad berada dalam roh kita, yang telah berbaaur dengan Roh Kudus—1 Kor. 6:17.
  3. Kita tidak memperhatikan, melihat pada, hal-hal yang dapat dilihat tetapi hal-hal yang tidak dapat dilihat; kerana hal-hal yang dapat dilihat adalah sementara tetapi hal-hal yang tidak dapat dilihat adalah abadi—2 Kor. 4:18:

- a. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan berkenaan hal-hal yang tidak dapat dilihat—Roma 8:24-25; Ibr. 11:27; 1 Ptr. 1:8; Gal. 6:10.
  - b. Kejatuhan gereja merupakan kejatuhan daripada hal-hal yang tidak dapat dilihat kepada hal-hal yang dapat dilihat; pemulihan Tuan adalah untuk memulihkan gereja-Nya daripada hal-hal yang dapat dilihat kepada hal-hal yang tidak dapat dilihat—Yoh. 20:25; 2 Kor. 5:7; Roma 8:24-25; 1 Ptr. 1:8.
4. Yesus ialah Penyempurna iktikad, Penyiap dan Penggenap iktikad—Ibr. 12:2:
    - a. Sebagai Penggenap iktikad, Tuan Yesus menginfusikan diri-Nya secara berterusan ke dalam kita sebagai elemen dan keupayaan untuk percaya.
    - b. Semasa kita memalingkan tumpuan kepada-Nya, Dia meministerkan syurga, hayat, dan kekuatan kepada kita, mentransfusi dan menginfusi kita dengan segala apanya Dia, supaya kita dapat berlari dalam perlumbaan syurgawi dan menjalani kehidupan syurgawi di bumi—2 Kor. 3:18.
    - c. Sebagaimana kita terus-menerus memalingkan tumpuan kepada-Nya, Dia akan menyiapkan dan menggenapi iktikad yang kita perlukan untuk berlari dalam perlumbaan syurgawi—Ibr. 12:1-2a.
- E. Kita perlu digalakkan dan diberi amaran melalui tamsil bani Israel; perjalanan mereka menuju ke tanah permai mentamsilkan perlumbaan orang Kristian menuju ke tanah permai, yakni Kristus almuhit—1 Kor. 10:1-13:
1. Kita telah ditebus menerusi Kristus, diselamatkan daripada belunggu Syaitan, dan dibawa masuk ke dalam wahi berkenaan ekonomi Tuhan.
  2. Kita mungkin masih gagal mencapai matlamat panggilan Tuhan, iaitu memasuki dan menduduki tanah permai kita, yakni Kristus, dan menikmati kekayaan-Nya demi kingdom Tuhan agar kita dapat menjadi ekspresi-Nya pada zaman sekarang dan berbahagian dalam kenikmatan penuh terhadap Kristus pada zaman kingdom—Flp. 3:12-14; Mat. 25:21, 23.
- F. Bahagian perjalanan yang terakhir yang ditetapkan Tuhan untuk setiap daripada kita ialah bahagian yang paling sukar dalam perjalanan—bd. Mrk. 6:45-51:
1. Suatu perkara yang penting dalam kehidupan orang Kristian adalah mencari perjalanan yang telah ditetapkan Tuan dan menempuh jalan itu dengan setia.
  2. Kita memang bergirang kerana berada dalam perjalanan yang betul ini, tetapi bagaimana kita berlari dan bagaimana kita akan menamatkan perjalanan ini masih menjadi satu persoalan.
- G. Kita tidak harus letih, patah semangat dalam sukma kita atas apa-apa sebab (Ibr. 12:3); sebaliknya, kita harus menjadi orang yang berlari dalam perlumbaan sampai pengakhiran:
1. Menjadi letih bererti tanpa kekuatan dalam sukma; segala-galanya kelihatan sia-sia.
  2. Orang yang jatuh dan bangkit semula merupakan pelari yang terbaik: “Jangan bergirang atas aku, O musuhku; / Apabila aku jatuh, aku akan bangkit; / Apabila aku duduk dalam kegelapan, / Yehova akan menjadi cahaya aku”—Mi. 7:8.
  3. Kita tidak harus putus asa, menjadi letih, atau patah semangat dalam sukma kita, tetapi memalingkan tumpuan kepada Yesus dan berlari dalam perlumbaan yang ditetapkan di hadapan kita—Ibr. 12:2a.